



## Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat

Siri 5/ 2024 (MEI 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	<b>Jujur Sifat Mulia</b>	3 Mei 2024M/ 24 Syawal 1445H
2.	<b>Hormati Guru, Sayangi Guru</b>	10 Mei 2024M/ 1 Zulkaedah 1445H
3.	<b>Belia Malaysia, Yakin Boleh</b> Khutbah Khas Hari Belia	17 Mei 2024M/ 8 Zulkaedah 1445H
4.	<b>Air Mata Ibu Ayah: Gembira Atau Duka</b>	24 Mei 2024M/ 15 Zulkaedah 1445H
5.	<b>Hilangnya Warak, Lenyaplah Berkah</b>	31 Mei 2024M/ 22 Zulkaedah 1445H
6.	<b>Khutbah Kedua</b>	

دببایاءى:



زكاة فولاو فینغ

دترینتکن:



جابتن حال إحوال اكام اسلام فولاو فینغ

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Hormati Guru, Sayangi Guru

(خطبة هاري كورو)

10 Mei 2024M/ 1 Zulkaedah 1445H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الَّذِي رَفَعَ دَرَجَاتِ الْعُلَمَاءِ الْعَامِلِينَ. قَالَ تَبَارَكَ اللَّهُ تَعَالَى:  
... قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ①

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## PARA TETAMU JUMAAT YANG DIKASIHI KALIAN,

Khatib berpesan kepada diri sendiri dan semua yang hadir agar sentiasa berusaha meningkatkan iman dan takwa kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan mengerjakan segala perkara yang disuruh dan meninggalkan segala perkara yang dilarang. Ingatlah bahawa penilaian Allah bukan terletak pada pangkat, darjat, keturunan dan warna kulit tetapi pada iman dan takwa.

Mimbar juga menyeru kepada semua hadirin agar memberi tumpuan pada khutbah yang akan disampaikan dan meninggalkan perbuatan lagha dan sia-sia seperti bercakap-cakap, bermain telefon bimbit, tidur dengan sengaja dan sebagainya. Tajuk khutbah kita pada hari ini adalah “**Hormati Guru, Sayangi Guru.**”



## MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Ibu bapa dan guru adalah insan penting dalam kehidupan setiap manusia. Ibu bapa menjadi asbab melahirkan, memelihara, menjaga, membesarkan dan mendidik anak-anak sehingga dewasa. Guru-guru pula penting kerana mereka mencurahkan ilmu pengetahuan, menerapkan adab dan mendidik anak-anak sejak awal usia.

Dalam Islam, kedudukan guru diletakkan pada tempat tinggi sehingga mereka disebutkan oleh Rasulullah sebagai pewaris para nabi:

وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورَثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا وَإِنَّمَا وَرَثُوا  
الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخَذَهُ أَخَذَ بِحِطِّ وَافِرٍ

Maksudnya: “*Sesungguhnya ulamak adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham. Akan tetapi mereka mewariskan ilmu, maka barangsiapa yang mengambil warisan tersebut, maka dia telah mengambil bahagian yang banyak.*”

﴿Hadis Riwayat Abu Daud﴾

Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى menyamakan kedudukan mereka yang berilmu pengetahuan dengan para malaikat dalam menyaksikan keesaan Allah. Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman dalam surah Ali Imran ayat 18:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُو الْعِلْمِ قَابِئًا بِأَلْقِسْطٍ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ

الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿١٨﴾



Maksudnya: “Allah menjelaskan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil dan bukti) bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia yang sentiasa mentadbir seluruh alam dengan keadilan, begitu juga para malaikat dan orang yang berilmu yang menegakkan keadilan. Tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; yang Maha Berkuasa, lagi Maha Bijaksana.”

## MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Berkaitan kedudukan Istimewa para guru, Imam Al-Ghazali ada menyebut di dalam karya agungnya Ihya' Ulumuddin: “Seseorang yang berilmu dan kemudian bekerja dengan ilmunya itu, maka dialah yang dinamakan besar di bawah hamparan langit ini dan di antara golongan manusia, tempatnya paling tinggi di sisi Allah.”

Hakikatnya, kedudukan tinggi para guru berkait dengan peranan dan tanggungjawab mereka sendiri. Aspek-aspek penting berkaitan peranan dan tanggungjawab guru, turut dihurai oleh Imam Al-Ghazali. Antaranya sebagai:

### **Pertama: Pengganti ibu bapa pelajar di sekolah.**

Guru perlu mempunyai rasa tanggungjawab dan cuba mencurahkan kasih sayang terhadap muridnya sebagaimana ibu bapa terhadap anaknya. Ini berdasarkan hadis Nabi ﷺ:

إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ مِثْلُ الْوَالِدِ لِوَالِدِهِ

Maksudnya: “Sesungguhnya aku ini bagimu adalah seumpama seorang ayah bagi anaknya.”

﴿ Hadis Riwayat Ibnu Majah ﴾

### **Kedua: Pewaris ilmu Nabi**



Guru hendaklah mengikuti jejak Rasulullah ﷺ, mengamalkan akhlak, adab dan sunnah Baginda serta bekerja dengan ikhlas, tidak mengharapkan balasan dan penghargaan makhluk, tetapi mengajar kerana Allah dan mencari jalan untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

### **Ketiga: Penunjuk jalan dan pembimbing**

Guru bertanggungjawab membimbing pelajar dalam mempelajari dan mengkaji pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu. Pelajar perlu ditarbiah supaya dekat dengan Allah ﷻ dan terhindar daripada sifat keji.

### **Keempat: Pembentuk sahsiah**

Guru seharusnya berhati-hati dalam segala tutur kata, sikap dan perbuatan kerana ia akan terpancar dan terzahir pada muridnya. Sahsiah guru seharusnya menjadi rujukan kepada para pelajar.

### **Kelima: Penunjuk contoh teladan atau *role model* kepada pelajar**

Perumpamaan guru yang membimbing murid adalah bagaimana ukiran dengan tanah liat atau bayang dengan tongkat. Bagaimana mungkin tanah liat dapat terukir sendiri tanpa ada alat untuk mengukirnya. Bagaimana mungkin bayang menjadi lurus kalau tongkatnya bengkok.

## **MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Siapa pun kita pada hari ini bermula dari seorang guru.

Setiap kita mempunyai guru yang kita belajar secara formal atau tidak formal. Bermula di bangku tadika, sekolah rendah, menengah mahupun peringkat yang lebih tinggi.



Hakikatnya, keupayaan kita untuk menulis, membaca, mengira dan seterusnya berjaya di dalam kehidupan ada kaitan dengan jasa besar para guru.

Justeru, setiap murid wajib menghormati guru, beradab terhadap guru dan jangan meremehkan guru yang mengajar walaupun sekecil-kecil ilmu. Imam Asy-Syafie menjelaskan:

“Seseorang yang meremehkan gurunya, maka Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** akan memberikan tiga bala iaitu lupa akan ilmunya, ditumpulkan lisannya dan diberikan kefakiran di akhir hidupnya.”

## **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Bersempena hari guru pada tahun ini yang bertemakan “**Guru Jauhari Digital, Aspirasi Negara Madani**”, marilah kita hargai jasa para guru dengan melakukan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Menghormati guru-guru dan memandang mereka dengan pandangan rahmat kerana Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

**Kedua:** Mencari guru-guru yang pernah mengajar kita, mengucapkan terima kasih dan memberi hadiah jika mampu sebagai tanda kasih sayang yang berpanjangan.

**Ketiga:** Seandainya kita mengetahui ada di antara guru atau waris guru kita yang sakit atau telah uzur, maka ziarahilah mereka.

**Keempat:** Jika kita mengetahui ada dalam kalangan guru telah meninggal dunia, maka hadiahkanlah bacaan al-Fatihah, memohon keampunan agar roh mereka ditempatkan bersama orang yang soleh.



**Kelima:** Jika berkesempatan, kunjungi sekolah lama kita, di situlah tempat kita menimba ilmu dahulu. Ringan-ringankanlah tangan untuk menghulurkan sumbangan, sama ada berupa material ataupun kepakaran. Media sosial boleh dimanfaatkan sebagai medium bagi menghubungi para guru, bekas guru dan rakan seperguruan semasa belajar.

**Dan yang terakhir:** Sebagai ibu bapa, marilah kita membantu sekolah yang anak-anak kita belajar dengan bergiat aktif dalam PIBG sebagai tanda kita bersama dengan guru anak-anak kita dalam usaha membentuk generasi yang beriman dan bertakwa.

Moga keberkatan dan kebaikan sentiasa mengiringi kehidupan kita sebagaimana sabda Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

الْعَالِمُ وَالْمُتَعَلِّمُ شَرِيكَانِ فِي الْخَيْرِ وَلَا خَيْرَ فِي سَائِرِ النَّاسِ.

Maksudnya: *“Guru dan murid kedua-duanya berkongsi kebaikan, dan tidak ada lagi kebaikan pada sekalian manusia selain mereka.”*

﴿Hadis Riwayat Ibnu Majah﴾

## MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai kesimpulan, mimbar hari ini ingin memberikan beberapa peringatan penting berkaitan kewajipan menghormati dan menyayangi guru seperti berikut:

**Pertama:** Islam meletakkan kedudukan guru pada tempat yang tinggi. Justeru, mereka hendaklah dihormati dan disayangi oleh setiap murid dan anggota masyarakat.





**Kedua:** Seseorang yang meremehkan dan tidak beradab dengan gurunya akan hilang keberkatan dalam ilmu dan hidupnya di dunia mahupun akhirat.

**Ketiga:** Sebagai murid atau bekas murid, seharusnya kita mengucapkan terima kasih kepada setiap guru yang mengajar dengan berbakti kepada mereka, menghulurkan bantuan jika memerlukannya, menziarahi jika mereka sakit dan mendoakan kebaikan mereka di dunia dan akhirat.

Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ

كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh teladan yang terbaik (iaitu) bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat dan banyak menyebut serta mengingati Allah (dalam masa susah dan senang).*”

﴿Surah al-Ahzab ayat 21﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهِدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،  
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua Bulan Mei

2024M/ 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلَائِهِ وَإِحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَىٰ رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.



اللَّهُمَّ وَفَّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ  
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta dapat mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP).*

*Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ



يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

